

Didalangi warga China dan Taiwan yang menipu melalui telefon, Internet

Sindiket penipu antarabangsa lumpuh

PHNOM PENH - Beratus-ratus warga China dan Taiwan ditangkap di seluruh Asia termasuk Malaysia dalam satu operasi antarabangsa untuk menumpaskan komplot penipuan melalui telefon merentasi sempadan, kata pegawai-pegawai di beberapa negara semalam.

Kebanyakan tangkapan dibuat di Indonesia dan Kemboja dengan masing-masing 177 orang dan 166 orang ditahan dalam satu serbuan merentasi sempadan.

Serbuan dilakukan untuk mematahkan modus operandi penjenayah yang menggunakan perkhidmatan telefon Internet untuk menipu wang ribuan mangsa di rantau berkenaan.

Di **Malaysia**, polis menangkap 27 rakyat China dan 10 warga Taiwan di Sabah kerana menipu orang ramai supaya membayar saman trafik palsu.

Seramai 14 daripada yang ditahan di Sabah itu adalah wanita.

Polis Thailand pula berkata, mereka telah menahan empat suspek iaitu seorang wanita Taiwan dan tiga warga tempatan dan beberapa serbuan di Bangkok berpandukan maklumat daripada polis Taiwan.

Ketua Polis Jakarta, Sutarnan berkata, sebanyak 76 warga China dan 101 rakyat Taiwan ditangkap di 15 lokasi berlainan di Jakarta susulan permintaan daripada polis China dan Taiwan.

Beliau berkata, suspek-suspek menyewa beberapa buah rumah dengan dilengkapi akses jalur lebar.


Mereka membuat panggilan secara Suara Melalui Protokol Internet (VOIP) kepada



SEBAHAGIAN daripada 177 warga Taiwan dan China yang terbabit dalam penipuan siber ditahan oleh Imigresen Indonesia di Jakarta kelmarin.

Elemen kejutan menjadi senjata utama penipu-penipu tersebut

POLIS THAILAND



MODUS OPERANDI SINDIKET PENIPUAN SIBER WARGA CHINA DAN TAIWAN

THAILAND, VIETNAM dan KEMBOJA

Penipu menggunakan elemen kejutan dengan memberitahu mangsa telah memenangi cabutan loteri atau akaun bank atau kredit kad mereka digantung sambil memeras ugut wang.

MALAYSIA

Kumpulan penipu menelefon individu di China untuk memberitahu mereka perlu membayar saman trafik yang sebenarnya palsu menerusi akaun dalam talian atau berdepan tindakan mahkamah.

lokol Internet (VOIP) kepada sejumlah mangsa di China, Taiwan, Filipina dan Vietnam dengan menyamar sebagai pihak berkuasa untuk memeras ugut wang.

Di **Kemboja**, serbuan menyaksikan seorang wanita Vietnam ditahan susulan selepas pihak berkuasa menerima banyak aduan daripada orang ramai.

Polis berkata, mereka percaya beribu-ribu orang telah terpedaya dengan helah tersebut.



INDONESIA

INDONESIA

Suspek menyewa rumah dilengkapi akses jalur lebar dan menyamar sebagai pihak berkuasa untuk memeras ugut wang daripada mangsa mereka di China, Taiwan, Filipina dan Vietnam.

Elemen kejutan menjadi senjata utama penipu-penipu tersebut, kata polis Thailand yang menemui 43 kad ATM, lebih 20 telefon bimbit dan sejumlah akaun bank dalam serbuan mereka.

“Kumpulan penipu ini akan

mencari nombor-nombor akaun bank Thailand yang mana konco mereka akan menelefon mangsa dan meminta mangsa memindahkan wang ke dalam akaun bank di Thailand,” kata pegawai polis, Kolonel Phanthana Nuchanart.

“Dua helah utama yang digunakan adalah dengan mengejutkan mangsa, contohnya mangsa diberitahu bahawa mereka memenangi cabutan loteri atau akaun bank atau kad kredit mereka digantung,” tambahnya. – AFP

Jangan percaya panggilan telefon orang tidak dikenali

Oleh **NOR SHAFAWATI YUP**
shafawati.yup@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Orang ramai dinasihatkan supaya tidak mudah terpedaya dengan sebarang panggilan yang dibuat oleh individu tidak dikenali bagi mengelak terjerat dengan sindiket penipuan antarabangsa.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJN) Bukit

Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan berkata, sindiket penipuan antarabangsa yang didalangi warga asing biasanya akan menggunakan pelbagai helah untuk memerangkap mangsa di negara ini.

“Rakyat Malaysia diminta supaya tidak mudah percaya jika menerima panggilan telefon yang kemudian meminta mereka membuat pembayaran atau memasuk-

kan sejumlah wang ke dalam akaun bank.

“Semua panggilan itu bermotifkan penipuan semata-mata dan suspek terbabit biasanya mereka-reka cerita bagi mencemaskan mangsa yang dihubungi mereka,” kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Syed Ismail mengulas penangkapan ratusan rakyat China dan Taiwan yang ditahan di beberapa

negara Asia termasuk Malaysia yang mengerakkan sindiket penipuan antarabangsa menggunakan kecanggihan teknologi maklumat masa kini.

Mengulas lanjut, Syed Ismail berkata, kumpulan sindiket penipuan yang bergerak di Malaysia kebiasaannya akan menghubungi mangsa dan memberitahu mangsa kononnya mereka harus menyelesaikan saman trafik tertung-

gak atau terdapat ahli keluarga mereka telah diculik.

“Selain itu, terdapat beberapa kes yang suspek menipu mangsa-mangsa yang dihubungi dengan memaksa mangsa membuat bayaran kerana terlibat dalam kemalangan malah ada mangsa ditipu bahawa terdapat ahli keluarga mereka ditahan pihak berkuasa di lapangan terbang antarabangsa,” katanya.